

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah mekanisme pengeluaran wang dari Akaun 1 KWSP di bawah program i-Sinar seperti mana yang diumumkan oleh YB Menteri ketika penggulungan pada 26 November, dan berapa jumlah pencarum yang layak serta had maksimum pengeluaran yang dibenarkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepertimana dimaklumkan semasa penggulungan Perbahasan Belanjawan 2021 pada 26 November 2020, Pengeluaran i-Sinar telah diperluaskan kepada ahli KWSP yang terjejas pendapatan mereka, tidak kira sama ada disebabkan kehilangan pekerjaan atau diberi cuti tanpa gaji, ataupun telah terkurang pendapatan mereka akibat krisis pandemik COVID-19.

2. Dengan perluasan kriteria ini, semua ahli KWSP yang terjejas pendapatan sama ada dalam sektor formal atau sektor tidak formal termasuk ahli yang sudah lama tidak mencarum, suri rumah, mereka yang bekerja sendiri dan yang bekerja di sektor ekonomi gig layak memohon i-Sinar. Dianggarkan bahawa jumlah ahli yang layak memohon adalah seramai 8.4 juta berbanding 2 juta ahli sebelum ini.

3. Ahli-ahli yang layak boleh dibahagikan kepada dua kategori. Bagi Kategori 1, KWSP akan menggunakan data dalaman tanpa memerlukan dokumen sokongan daripada ahli atau mana-mana pihak ketiga. Kriteria yang akan digunakan adalah:-

- i. Ahli yang tiada caruman dengan KWSP sekurang-kurangnya 2 bulan berturut-turut semasa permohonan; atau
- ii. Ahli yang telah mengalami pengurangan gaji pokok sebanyak 30% dan ke atas selepas 1 Mac 2020.

2. Kategori 2 pula adalah untuk ahli yang terjejas pendapatan sebanyak 30% dan ke atas (termasuk pengurangan gaji dan elaun atau pemotongan tuntutan kerja lebih masa dan kes-kes lain berdasarkan budi bicara KWSP) selepas 1 Mac 2020. Kategori ini akan melibatkan pengendalian khas di mana KWSP memerlukan dokumen sokongan terkini daripada ahli seperti berikut:

- i. Slip gaji sebelum dan selepas pengurangan pendapatan; dan
- ii. Notis cuti tanpa gaji, pemberhentian/ pemotongan elaun dan/ atau tuntutan kerja lebih masa; dan/ atau
- iii. Dokumen sokongan lain yang berkaitan seperti penyata bank.

4. Amaun yang layak dikeluarkan di bawah pengeluaran ini adalah seperti berikut:-

- i. Simpanan sehingga maksimum RM10 ribu, bagi ahli yang mempunyai simpanan RM100,000 dan ke bawah; atau
- ii. 10% daripada simpanan sehingga maksimum RM60,000 bagi ahli yang mempunyai simpanan melebihi RM100,000.

Sekian, terima kasih.